

Rujukan kami : UMP. 02.01/10.12/2. *Jilid 6(22)*
Tarikh : 27 Disember 2016

**Dekan/Pengarah/Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang**

Tuan/ Puan ,

**EDARAN PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL.13 TAHUN 2016 : TATACARA
PELAKSANAAN LARANGAN PENGGUNAAN BEKAS MAKANAN DAN MINUMAN
BERASASKAN POLYSTYRENE DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Pentadbiran Bil.13 Tahun 2016 mengenai Tatacara Pelaksanaan Larangan Penggunaan Bekas Makanan dan Minuman Berasaskan Polistyrene Di Universiti Malaysia Pahang untuk makluman dan tindakan tuan/puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(ABD. HAMID BIN MAJID)
Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang



PEKELILING PENTADBIRAN BIL.13 TAHUN 2016

TATACARA PELAKSANAAN LARANGAN PENGGUNAAN BEKAS MAKANAN DAN MINUMAN BERASASKAN POLISTYRENE DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

1.0 TUJUAN

Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk menarik perhatian warga Universiti Malaysia Pahang berhubung penguatkuasaan Tatacara Pelaksanaan Larangan Penggunaan Bekas Makanan dan Minuman Berasaskan Polistyrene di Universiti Malaysia Pahang.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) Bil. 03/2016 pada 06 April 2016 dan diikuti dengan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil 02/2016 pada 01 Jun 2016 telahpun meluluskan larangan penggunaan bekas makanan dan minuman berasaskan polystyrene secara menyeluruh di Kampus UMP.
- 2.2 Larangan ini bertujuan untuk mengurangkan impak kesihatan dan alam sekitar akibat penggunaan bahan ini untuk jangkamasa panjang serta menyokong inisiatif hijau di kampus UMP.

3.0 PELAKSANAAN

- 3.1. Penggunaan bekas makanan dan minuman berasaskan polistyrene tidak dibenarkan di dalam kampus UMP.
- 3.2. Mana-mana Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan UMP Holdings Sdn. Bhd. yang menawarkan sebutharga pembekalan makanan atau minuman atau menganjurkan aktiviti perniagaan yang melibatkan makanan dan minuman hendaklah memastikan pernyataan di bawah secara jelas dinyatakan dalam dokumen sebutharga dan kontrak atau sebagainya:

“Larangan Penggunaan Polistyrene:

Sebarang penggunaan bekas makanan dan minuman yang berasaskan polistyrene seperti pinggan, mangkuk dan cawan adalah dilarang sama sekali.”

- 3.3. Pelaksanaan terperinci boleh dirujuk di **Lampiran A** berkaitan Tatacara Pelaksanaan Larangan Penggunaan Bekas Makanan dan Minuman Berasaskan Polistyrene di Universiti Malaysia Pahang.

4.0 PENGUATKUASAAN

Tatacara ini terpakai kepada semua staf, pelajar, pengusaha kafeteria, pelawat dan diperluaskan kepada pengusaha pasar malam dan mana-mana aktiviti jualan makanan dan minuman di dalam Kampus Universiti Malaysia Pahang.

5.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 1 November 2016.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,


(ABD. HAMID BIN MAJID)

Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang

Tarikh : 27/12/2016

Edaran kepada:

1. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
2. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
3. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
4. Bendahari
5. Ketua Pustakawan
6. Penasihat Undang-undang
7. Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat & Kualiti)
8. Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)
9. Semua Dekan/Pengarah/Ketua Jabatan
10. Pengarah Urusan, UMP Holdings Sdn. Bhd.
11. Ketua Pegawai Eksekutif, UMP Advanced Education Sdn. Bhd.

Salinan kepada:

Naib Canselor



TATACARA





**PELAKSANAAN LARANGAN PENGGUNAAN
BEKAS MAKANAN DAN MINUMAN BERASASKAN POLISTYRENE
DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

	PERKARA	PENYATAAN
A	Latarbelakang	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) Bil. 03/2016 pada 06 April 2016 dan diikuti dengan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil 02/2016 pada 01 Jun 2016 telahpun meluluskan larangan penggunaan bekas makanan dan minuman berasaskan polystyrene secara menyeluruh di Kampus UMP. 2. Larangan ini bertujuan untuk mengurangkan impak kesihatan dan alam sekitar akibat penggunaan bahan ini untuk jangka masa panjang serta menyokong inisiatif hijau di kampus UMP. Larangan ini juga bertujuan untuk memastikan usaha dan kempen berkaitan penggunaan bahan ini di Kampus UMP yang telah dilaksanakan sebelum ini dibuat secara lestari dan dipatuhi oleh semua pihak. 3. Penggunaan polistyrene untuk tempoh masa panjang berpotensi menyebabkan kemudaratan kesihatan kerana monomer styrene boleh terlepas (<i>leach</i>) dari polistyrene dan ianya adalah toksik kepada otak dan sistem saraf. Manakala dari aspek alam sekitar pula, Polistyrene merupakan plastik dengan Nombor Kitar Semula #6 iaitu sangat sukar dikitar semula (di Malaysia tiada fasiliti kitar semula untuk bahan ini) dan sifatnya yang rapuh (mudah berkecai) apabila dibuang secara tidak betul dan masuk ke dalam sistem perairan boleh menyebabkan gangguan kepada hidupan akuatik dan menyekat aliran longkang, parit, sungai dan sebagainya.
B	Skop Larangan Penggunaan	Penggunaan bekas makanan dan minuman berasaskan polistyrene tidak dibenarkan di dalam kampus UMP.
C	Tarikh Kuatkuasa	1 November 2016
D	Penyataan Larangan dan Promosi	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mana-mana PTJ dan UMP Holdings yang menawarkan sebutharga pembekalan makanan atau minuman atau menganjurkan aktiviti perniagaan yang melibatkan makanan dan minuman hendaklah memastikan penyataan di bawah secara jelas dinyatakan dalam dokumen sebutharga dan kontrak atau sebagainya: “Larangan Penggunaan Polistyrene: Sebarang penggunaan bekas makanan dan minuman yang berasaskan polistyrene seperti pinggan, mangkuk dan cawan adalah dilarang sama sekali.”

		<p>2. Promosi berkaitan larangan dan kesedaran kesan negatif penggunaan polistyrene sebagai bekas makanan dan minuman hendaklah dilakukan secara bersama oleh Kluster EcoGreen, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA), Pengurusan Kolej Kediaman, UMP Holdings, Badan Kebajikan Staf Universiti (BKSU), Pusat Kesihatan Universiti (PKU) dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) serta pihak lain yang berkepentingan.</p> <p>3. Segala hal-hal berkaitan promosi perlu melalui pihak Kluster EcoGreen.</p>
E	Alternatif Kepada Polistyrene	<p>1. Pengguna atau pengusaha kafeteria/perniagaan makanan dan minuman boleh menggunakan alternatif berikut sebagai gantian polistyrene:</p> <p>a. Bekas makanan dan minuman yang berasaskan bahan organik (<i>biodegradable</i>).</p> <p>b. Bekas makanan dan minuman yang berasaskan plastik yang selamat untuk makanan dan minuman boleh digunakan BERULANG KALI dengan Nombor Kitar Semula #5 (Polypropylene, PP) sahaja. (Rujuk Lampiran A)</p> <p>c. Bekas minuman yang berasaskan plastik yang selamat untuk minuman dan boleh digunakan SEKALI (1) KALI dengan Nombor Kitar Semula #1 (Polyethylene Terephthalate, PET) sahaja. (Rujuk Lampiran A1)</p>
F	Sekretariat	Pemantauan dan pematuhan terhadap tatacara ini dibawah Kluster EcoGreen.
G	Pemantauan Kepatuhan	<p>1. Pemantauan hendaklah dilaksanakan secara berkala bagi memastikan larangan ini di patuhi sepenuhnya oleh semua pihak dan badan pemantau adalah seperti berikut:</p>

		Bil	Lokasi/aktiviti	Pemantau Kepatuhan
		1	Kafeteria /aktiviti perniagaan makanan dan minuman di Kolej Kediaman	UMP Holdings dan Pengurusan Kolej Kediaman
		2	Kafeteria /aktiviti perniagaan makanan dan minuman di Pusat Aktiviti Pelajar	UMP Holdings, Pusat Keusahawanan dan Pengurusan Kolej Kediaman
		3	Program PTJ /universiti yang melibatkan penyediaan makanan & minuman	Ketua PTJ atau Pengerusi JK Penganjuran Program
		4	Aktiviti perniagaan di dalam Kampus UMP yang melibatkan perniagaan makanan dan minuman	Ketua PTJ atau Pengerusi JK Penganjuran Program
		5	Aktiviti selain daripada yang dinyatakan di atas	Kluster EcoGreen
		<p>2. Mekanisma pemantauan bagi memantau pelaksanaan larangan penggunaan polistyrene sebagai bekas makanan dan minuman adalah seperti ketetapan berikut:</p> <p>a. Pemantauan terhadap kafeteria hendaklah dilakukan secara berterusan oleh Pemantau Kepatuhan yang telah dilantik bagi memastikan kepatuhan terhadap larangan ini.</p> <p>b. Pemantau terhadap program PTJ dan aktiviti perniagaan di UMP hendaklah di pantau bagi setiap kali program /aktiviti dijalankan oleh Pemantau Kepatuhan yang telah dilantik bagi memastikan kepatuhan terhadap larangan ini.</p>		
H	Tindakan	<p>1. Sebarang ketidakpatuhan yang didapati oleh Badan Pemantau Kepatuhan hendaklah disalurkan kepada Kluster EcoGreen menggunakan BORANG PEMERIKSAAN LARANGAN PENGGUNAAN POLYSTYRENE untuk tindakan lanjut. Sila rujuk LAMPIRAN A2 bagi tindakan yang boleh diambil ke atas ketidakpatuhan.</p>		

KOD JENIS PLASTIK

KOD	JENIS PLASTIK	CIRI - CIRI	CONTOH
	<p>PET atau PETE Polyethylene Terephthalate</p>	<p>Jernih, tahan, penghalang gas dan kelembapan</p>	
	<p>PP Polypropylene</p>	<p>Keras tetapi masih fleksibal, serbaguna</p>	

CARTA ALIR TINDAKAN KETIDAKPATUHAN LARANGAN PENGGUNAAN BEKAS MAKANAN DAN MINUMAN BERASASKAN POLYSTYRENE DI KAMPUS UMP

TINDAKAN OLEH :

- BADAN PEMANTAU KEPATUHAN
- KLUSTER ECOGREEN
- PENDAFTAR ATAU WAKIL YANG DILANTIK
- UMP HOLDINGS
- PENERIMA NOTIS

